

# VISION ZERO

## 7 Peraturan Utama- Kemalangan sifar dan kerja sihat

Panduan untuk majikan dan pengurus






Kemalangan di tempat kerja dan penyakit pekerjaan bukanlah disebabkan oleh nasib atau perkara yang tidak dapat dielakkan – ia sentiasa mempunyai penyebab. Budaya pencegahan yang kukuh dapat menghapuskan punca-punca kemalangan dan seterusnya boleh mencegah kemalangan di tempat kerja dan penyakit pekerjaan.

“Vision Zero” adalah satu pendekatan transformasi untuk pencegahan yang menggabungkan 3 dimensi iaitu keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan di semua peringkat pekerjaan.

Konsep Vision Zero ISSA adalah fleksibel dan boleh disesuaikan dengan aspek keselamatan, kesihatan atau kesejahteraan untuk yang spesifik tujuan pencegahan dalam semua keadaan. Dengan fleksibiliti ini, Vision Zero dapat memberi manfaat kepada mana-mana tempat kerja, perusahaan atau industri di seluruh dunia.



## 7 Peraturan Utama Vision Zero

1. Kepimpinan – mempamerkan komitmen
2. Kenalpasti hazard – mengawal risiko
3. Tentukan sasaran – membangunkan program
4. Pastikan sistem yang selamat dan sihat – sentiasa sistematik dan teratur
5. Pastikan keselamatan jentera dan peralatan serta kesihatan di tempat kerja
6. Tingkatkan kemahiran – membangunkan kompetensi
7. Pelaburan sumber manusia – motivasi melalui penglibatan

### **Keselamatan dan kesihatan membawa keuntungan**

Tempat kerja yang selamat dan sihat bukan sahaja tanggungjawab undang-undang dan moral – ia juga memberi pulangan ekonomi. Pelaburan dalam keselamatan dan kesihatan di tempat kerja akan menghindari penderitaan manusia dan melindungi aset yang paling berharga – iaitu kesihatan, serta integriti fizikal dan psikologi kita. Yang utama, ia juga memberi kesan positif kepada motivasi pekerja, kualiti kerja dan produk yang dihasilkan, reputasi syarikat, serta tahap kepuasan pekerja, pengurus dan pelanggan dan seterusnya kepada kejayaan ekonomi.

Penyelidikan antarabangsa mengenai pulangan pelaburan dalam pencegahan membuktikan bahawa setiap ringgit yang dilaburkan untuk keselamatan dan kesihatan berpotensi menjana potensi manfaat lebih daripada dua ringgit dari segi kesan ekonomi positif. Persekitaran kerja yang sihat menyumbang kepada perniagaan yang berjaya.

### **Keselamatan dan kesihatan memerlukan kepimpinan**

Peningkatan keselamatan dan kesihatan dalam perusahaan bukan bermaksud pertambahan perbelanjaan. Apa yang lebih penting, pihak pengurusan bertindak melalui kesedaran, dan memimpin secara konsisten serta membina suasana kepercayaan dan komunikasi terbuka pada setiap tahap di dalam syarikat. Perlaksanaan strategi pencegahan Vision Zero memerlukan sumbangan yang aktif dan penglibatan daripada pelbagai pihak di syarikat. Kejayaan atau kegagalan pelaksanaan strategi Vision Zero akan ditentukan oleh pekerja dan eksekutif yang berdedikasi, pengurus yang bermotivasi dan pekerja yang sentiasa waspada tentang keselamatan dan kesihatan.



## Bagaimana panduan ini dibangunkan

Untuk menyokong majikan dan pengurus bagi penambahbaikan berterusan dalam keselamatan dan kesihatan di perusahaan mereka seiring dengan Vision Zero, ISSA telah membangunkan kaedah pratikal pengurusan untuk membina budaya keselamatan dan kesihatan yang kukuh, mengikut kajian komprehensif mengenai langkah-langkah pencegahan yang efektif. Semasa proses ini dijalankan, seramai 1000 majikan, eksekutif, pengurus, pakar pencegahan, wakil pekerja dan inspektor buruh telah disoal selidik mengenai amalan terbaik. Hasilnya, panduan Vision Zero yang efektif dan pratikal telah dibangunkan, melalui 7 Peraturan Utama.

## Cara menggunakan panduan ini.

Setiap Peraturan Utama dalam panduan ini diterangkan secara ringkas diikuti dengan beberapa turutan prinsip dan disokong dengan senarai semak ringkas. Dengan cara ini, anda boleh membuat pengukuran segera 7 Peraturan Utama yang telah dilaksanakan dalam perusahaan, di mana anda mempunyai ruang untuk penambahbaikan, atau perlu mengambil tindakan pembetulan.

## Mari Sertai kempen

Anda dijemput untuk melawat laman sesawang Vision Zero

([www.visionzero.global](http://www.visionzero.global)) bagi mendapatkan maklumat lebih lanjut dan contoh amalan baik dan mendaftar secara online untuk menyertai komuniti global dari syarikat Vision Zero .

Sebuah tempat kerja yang selamat dan sihat adalah tidak mustahil. Sekarang, ianya terpulang kepada anda!

## Pengukuran Peraturan

- **HIJAU:** Dilaksanakan sepenuhnya
- **KUNING:** Ruang untuk penambahbaikan
- **MERAH:** Tindakan perlu diambil



## 1 Kepimpinan – mempamerkan komitmen

**Jadilah seorang pemimpin-tunjukkan sokongan anda! Tindak-tanduk anda sebagai pemimpin menentukan kejayaan atau kegagalan keselamatan dan kesihatan di syarikat anda.**

Setiap majikan, eksekutif dan pengurus bertanggungjawab dalam keselamatan dan kesihatan di perusahaan mereka. Kualiti kepimpinan bukan sahaja menentukan bagaimana keselamatan dan kesihatan di amalkan di syarikat, tetapi ia menentukan tarikan, kejayaan dan kemampuan aspek keselamatan dan kesihatan juga

Kepimpinan memerlukan komunikasi terbuka dan budaya pengurusan yang jelas. Kepimpinan yang baik dipamerkan contohnya melalui boleh diramal, konsisten dan memberi penuh perhatian.

Eksekutif dan pengurus dianggap sebagai contoh: mereka memimpin melalui teladan. Mereka membuat peraturan, dan mereka yang mematuhi peraturan. Mereka memastikan setiap orang mengetahui peraturan dan peraturan tersebut dipatuhi. Pelanggaran peraturan perlu ditangani segera dengan meneliti semua perkara. Sesiapa yang mengenalpasti keadaan berisiko wajar diberi ganjaran. Apa yang pengurus lakukan, bertolak ansur dan menghendaki, menetapkan tahap piawaian untuk pekerja lain. Perlakuan, toleransi dan kehendak pengurus adalah tanda aras yang diikuti pekerja

## Bagaimanakah keadaan di dalam perusahaan anda?

1 Saya mengamalkan keselamatan dan kesihatan, menetapkan standard dan menjadi contoh untuk pekerja dan pengurus saya.	Markah Individu	Markah Keseluruhan
Saya bertanggungjawab untuk keselamatan dan kesihatan pekerja saya. Saya sedar dan menerima tanggungjawab saya.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>
Saya menyediakan dan menyampaikan objektif keselamatan dan kesihatan pekerjaan (pernyataan misi, prinsip).	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Keselamatan dan kesihatan adalah keutamaan untuk saya, jikalau ragu-ragu saya akan katakan "berhenti"	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Keselamatan dan kesihatan adalah perkara pertama di dalam agenda di semua mesyuarat di perusahaan saya.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya sedar saya merupakan contoh, saya mengikut peraturan dan menggunakan alat perlindungan diri. Apabila saya melihat tindakan tidak selamat, saya segera campur tangan dan menegur orang yang terlibat.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya menghadiri latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) untuk pemimpin dan mendapatkan maklumat terkini.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	

2 Kepentingan keselamatan dan kesihatan diketahui setiap orang dalam perusahaan saya dan kami kerap berbicara mengenainya secara terbuka.	Markah Individu	Markah Keseluruhan
Kami mempunyai peraturan yang jelas untuk berkerja dengan selamat.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>
Saya akan pastikan setiap pekerja tahu peraturan-peraturan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya berbincang mengenai hal-hal keselamatan dan kesihatan dengan pekerja saya.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Pekerja saya sentiasa tahu siapa yang bertanggungjawab dan berkuasa.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya mendapatkan maklum balas daripada pekerja saya untuk menentukan sama ada saya menepati fungsi saya sebagai model contoh.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	

3 Saya bertindak secara konsisten dan menunjukkan betapa pentingnya keselamatan dan kesihatan di tempat kerja bagi saya.	Markah Individu	Markah Keseluruhan
Sebelum sesiapa memegang tanggungjawab pengurusan dalam perusahaan saya, dia perlu menghadiri seminar kepimpinan KKP	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>
Pengurus-pengurus saya tahu kepentingan keselamatan pekerjaan kepada saya. Peraturan mesti dipatuhi oleh pekerja dan pengurus.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya memuji tindakan yang betul dan konsisten di dalam mengenalpasti salahlaku. Saya tidak bertolak ansur pelanggaran peraturan atau kecuaiian di tempat kerja.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya juga mengutamakan kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di dalam perusahaan untuk kontraktor, syarikat kerjasama, pembekal dan pelanggan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	

4 Saya melabur dalam keselamatan dan kesihatan perusahaan.	Markah Individu	Markah Keseluruhan
Pekerja saya mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat kerja secara cermat dan selamat.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>
Pekerja saya mengetahui hak mereka dan tanggungjawab mereka untuk menghentikan kerja sekiranya kerja tersebut tidak boleh dilakukan dengan selamat.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya dan semua pengurus sentiasa memastikan amalan kerja selamat dipatuhi, sebagai contoh dalam pemeriksaan keselamatan, audit keselamatan, audit silang dan juga mengikut prinsip dua kawalan	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya akan pastikan kaedah dan bajet kewangan yang mencukupi disediakan untuk keselamatan dan kesihatan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	



## 2 Kenal pasti hazard- mengawal risiko

**Penilaian risiko merupakan kaedah penting untuk mengenal pasti hazard dan risiko secara tepat dan sistematik untuk melaksanakan tindakan pencegahan. Kemalangan, kecederaan dan kemalangan nyaris sepatutnya dinilai.**

Anda bijak, anda menggunakan penilaian risiko untuk membantu mengenal pasti hazard dan risiko sebelum kemalangan serta masa henti pengeluaran berlaku. Ini dapat membantu anda untuk membuat penilaian potensi risiko dan juga menetapkan serta mendokumentasikan langkah kawalan yang diperlukan. Inilah sebabnya mengapa kaedah ini kini digunakan di seluruh dunia.

Jika dilakukan dengan baik, langkah penilaian risiko yang sistematik adalah sesuai untuk arahan praktikal kepada pekerja dalam perusahaan. Penilaian kemalangan, kecederaan dan kemalangan nyaris yang berkaitan dengan perkerjaan adalah penting bagi mengenal pasti faktor utama atau potensi penambahbaikan.

## Bagaimanakah keadaan di dalam perusahaan anda?

1 Saya akan pastikan penyediaan dan dokumentasi penilaian risiko di dalam perusahaan saya, dan dikemaskini pada waktu yang telah ditetapkan.	Markah Individu	Markah Keseluruhan	
Pengurus saya tahu mereka perlu menyediakan penilaian risiko serta mengambilkira semua potensi risiko dan hazard.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>		
Pekerja saya, Ahli Lembaga syarikat, pegawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan, doktor syarikat dan pakar KKP yang lain turut terlibat.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>		
Saya telah menetapkan langkah asas untuk menyediakan penilaian risiko. 1. Merekod struktur organisasi perniagaan saya 2. Memperinci aktiviti-aktiviti yang dijalankan 3. Menentukan aktiviti yang berkaitan dengan hazard dan risiko 4. Membuat penilaian hazard dan risiko 5. Menetapkan langkah-langkah pencegahan 6. Melaksanakan langkah-langkah pencegahan 7. Mengesahkan keberkesanan langkah-langkah pencegahan	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>		<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>
Penyelenggaraan, penjagaan, penyelesaian masalah dan pembaikan dan juga aktiviti kontraktor dan syarikat luar serta prosedur sekiranya berlakunya kecemasan juga diambil kira.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>		
Penilaian risiko kami juga merangkumi aspek kesihatan, termasuk kesihatan mental. Pengukuran tahap bahan-bahan yang berbahaya, bunyi bising dan getaran juga dilakukan jika perlu.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>		
Saya menetapkan kekerapan untuk mengemaskini penilaian risiko.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>		

2 Kemalangan, kemalangan nyaris dan insiden kritikal perkerjaan dilaporkan, direkod dan dinilai untuk menentukan potensi penambahbaikan	Markah Individu	Markah Keseluruhan	
Saya diberitahu dengan segera tentang semua kemalangan, kemalangan nyaris dan insiden kritikal berkaitan perkerjaan di dalam perusahaan, dan impak lain terhadap kesihatan para pekerja saya.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>		
Kemalangan pekerjaan, catatan dalam buku log pertolongan cemas, kemalangan nyaris dan insiden disiasat dengan teliti untuk mengenal pasti punca utama dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>		<input type="radio"/>
Kami menyimpan statistik untuk mengenal pasti trend dan fokus utama.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>		<input type="radio"/>
Tiga (3) punca utama kemalangan dalam perusahaan saya dan tanggungan kos kemalangan diketahui oleh saya.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>		<input type="radio"/>
Keputusan kepada analisis-analisis ini diambil kira di dalam program penilaian risiko dan program pencegahan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>		
Saya sedar bilangan kemalangan nyaris dan insiden kritikal yang dilaporkan menunjukkan budaya amanah dalam perusahaan saya.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>		

3 Kami menggunakan pemahaman daripada penilaian risiko dan analisis kemalangan untuk membuat penambahbaikan	Markah Individu	Markah Keseluruhan
Saya secara peribadi mengesahkan pensampelan untuk menentukan sama ada langkah-langkah pencegahan yang sedia ada adalah berkesan	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Keputusan daripada penilaian risiko digunakan untuk membuat penambahbaikan di dalam perusahaan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Arahan peribadi telah dilaksanakan dan arahan kerja telah disediakan berdasarkan penilaian risiko.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	<input type="radio"/>



### 3 Tentukan sasaran – bangunkan program



**Kejayaan dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan memerlukan matlamat jelas dan langkah kukuh untuk pelaksanaan melalui pembangunan satu program.**

Keselamatan dan kesihatan pekerjaan merangkumi pelbagai aspek. Beri keutamaan dan tetapkan matlamat jelas KKP didalam perusahaan anda serta berusaha untuk melaksanakan KKP dalam jangka sederhana contohnya, program selama tiga tahun.

Terdapat beberapa pendekatan yang berorientasikan matlamat serta berdasarkan program; sama ada anda meletakkan matlamat untuk mengurangkan bilangan kemalangan secara berterusan, atau anda menetapkan tema untuk diberi tumpuan seperti operasi mesin, penggunaan forklift dan alat perlindungan diri atau pengurangan pendedahan kepada habuk. Apabila pekerja sedar keselamatan dan kesihatan itu penting kepada anda secara peribadi dan sesuatu sedang dilaksanakan dalam perusahaan, kejayaan bakal diperolehi tidak berapa lama lagi. Anda seharusnya berkomunikasi secara kerap tentang kejayaan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

## Bagaimanakah keadaan dalam perusahaan anda?

1 Saya telah menentukan matlamat keselamatan dan kesihatan yang jelas	Markah Individu	Markah Keseluruhan
Objektif perusahaan meliputi komitmen kepada kepentingan perlindungan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja		
Untuk mencapai penambahbaikan dalam jangka pendek dan sederhana, saya telah menetapkan tahap pencapaian KKP yang kukuh.		
Saya juga bersepakat dengan pengurus dan pekerja tentang matlamat peribadi saya.		
Saya memaklumkan kepada semua pengurus, pekerja, kontraktor, rakan kongsi syarikat, pelanggan dan orang awam tentang objektif syarikat dan tahap pencapaian terkini mengikut tempoh waktu yang telah ditetapkan		

2 Saya merancang aktiviti yang kukuh untuk mencapai matlamat saya	Markah Individu	Markah Keseluruhan
Melalui pelan tindakan, saya menetapkan aktiviti yang kukuh, program KKP dan langkah-langkah tambahan bertujuan untuk membantu saya mencapai matlamat. Saya juga menyediakan jadual pelaksanaan		
Untuk menetapkan aktiviti, program keselamatan dan kesihatan, minggu keselamatan, hari kesihatan dan langkah-langkah yang telah dirancang, saya menetapkan tugas khusus dan melantik pengurus projek		
Saya berkomunikasi dalam masa yang telah ditetapkan dengan semua pengurus, pekerja, kontraktor, rakan kongsi syarikat, syarikat luar, pelanggan dan orang awam, berkenaan program keselamatan dan kesihatan, minggu keselamatan atau hari kesihatan, serta menjemput mereka untuk turut sama mengambil bahagian.		
Saya juga menjemput keluarga pekerja saya untuk aktiviti-aktiviti, program keselamatan dan kesihatan dan hari kesihatan.		

3 Saya menetapkan sasaran untuk mengesahkan keberkesanan langkah yang telah dilaksanakan.	Markah Individu	Markah Keseluruhan
Berdasarkan pencapaian (bilangan kemalangan, latihan peserta, pelawat pada hari-hari aktiviti, respon kepada promosi kesihatan atau hari kesihatan). Saya mengukur penerimaan dan pencapaian matlamat dan maklumkan kepada semua pekerja tentang keputusannya.		
Saya menilai tahap matlamat yang telah dicapai syarikat berdasarkan bilangan kemalangan, kadar cuti, hari tanpa kemalangan dan kadar kesihatan.		
Jika keputusan tidak memuaskan, saya melaraskan semula aktiviti program saya.		
Sejauh mana yang mungkin, saya bandingkan pencapaian perusahaan saya dengan operasi lain yang bersaiz sama dalam industri (penanda aras).		
Saya memaklumkan keputusan dan pencapaian objektif kepada pekerja saya dan pengurus secara berkala sebagai contoh semasa mesyuarat pekerja ataupun melalui papan notis.		



# 4 Pastikan sistem yang selamat dan sihat - sentiasa teratur



**Melaksanakan keselamatan dan kesihatan perkerjaan didalam perusahaan anda secara sistematik adalah idea yang bernas. Ia berbaloi dan mudah**

Pelaksanaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan secara teratur dapat memastikan operasi yang lebih lancar kerana gangguan, penghentian pengeluaran dan masalah kualiti dapat dikurangkan. Ini adalah alasan yang baik untuk memastikan organisasi KKP anda lebih efektif-dan ia berbaloi!

Senarai semak dapat membantu anda. Bagi yang mahu lebih berusaha, haruslah melaksanakan system pengurusan KKP yang menggalakkan penambahbaikan berterusan. Apabila semua telah dilaksanakan, audit yang berjaya wajar diberi ganjaran dengan pensijilan dan pengiktirafan.

## Bagaimanakah keadaan didalam perusahaan anda?

1 Struktur, tanggungjawab, kompetensi, prosedur dan proses – perusahaan saya lebih teratur didalam konteks keselamatan dan kesihatan pekerjaan.	Markah Individu	Markah Keseluruhan
Saya telah menyusun program untuk kompetensi KKP dan bidang-bidang bertanggungjawab.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>
Saya telah menerangkan dan menetapkan tugas, tanggungjawab dan kompetensi pengurus-pengurus didalam keselamatan dan kesihatan- dan memberi tugas secara bertulis.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Kami mempunyai pakar dalam keselamatan dan kesihatan (jurutera keselamatan, doktor syarikat, ahli psikologi syarikat, pakar higen industri dan lain-lain lagi). Mereka menyokong dan menasihati saya dan semua pengurus. Didalam struktur organisasi, mereka melapor terus kepada saya.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya telah menetapkan struktur dan kaedah pelaporan. Ini juga merangkumi keselamatan dan kesihatan didalam perusahaan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya pastikan penilaian risiko dan arahan kerja sentiasa dikemas kini dan pekerja saya dimaklumkan dan diberikan arahan dari semasa ke semasa.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Terdapat wakil keselamatan dan kesihatan pekerja, 'first aider' dan pembantu perlindungan kebakaran yang mencukupi dan mereka menerima latihan berterusan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Keperluan perancangan, penawaran dan pelaksanaan pemeriksaan perubahan pekerja mengikut syarat-syarat perubahan pekerjaan dikaji secara berkala	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	

2 Keselamatan dan kesihatan perusahaan adalah faktor penting didalam pengisian mengisi jawatan pengurusan.	Markah Individu	Markah Keseluruhan
Dalam perusahaan saya, pematuhan dan pelaksanaan peraturan keselamatan dan kesihatan adalah syarat-syarat menjadi pengurus.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>
Sebelum saya melantik pengurus baru, calon yang dipertimbangkan perlu menghadiri kursus latihan untuk pengurus didalam topik keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya telah mewujudkan mesyuarat ringkas keselamatan yang dijalankan oleh pegawai atasan dengan pekerja sebelum memulakan kerja	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Pengurus saya kerap menjalankan pemeriksaan keselamatan mengikut bidang tanggungjawab mereka. Mereka memberikan perhatian khusus kepada susun atur dan kebersihan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya selalu berbicara dengan para pengurus saya tentang tanggungjawab KKP mereka dan mengkaji semula sama ada mereka memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	

3 Struktur keselamatan dan kesihatan dalam perusahaan saya memenuhi keperluan perundangan yang terpakai sebagai keperluan minimum.	Markah Individu	Markah Keseluruhan
Saya melakukan kajian semula mengikut kekerapan yang ditetapkan untuk mengenalpasti sama ada keperluan organisasi yang sesuai telah dipenuhi.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>
Saya sendiri menghadiri seminar untuk usahawan ataupun pengurus atasan	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Pakar keselamatan dan kesihatan saya dilibatkan dalam semua proses membuat keputusan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya telah menubuhkan jawatankuasa KKP di mana kami kerap membincangkan matlamat KKP dan perancangan untuk mempromosikan KKP dalam perusahaan saya	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya sendiri mempengerusikan jawatankuasa KKP.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Mesyuarat dihadiri pengurus, wakil pekerja, wakil keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan pakar keselamatan dan kesihatan dan diadakan sekurang-kurangnya setiap suku tahunan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Kami bersedia untuk menghadapi kecemasan melalui latihan kecemasan dan kebakaran yang kerap berdasarkan pelan kecemasan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya mengesahkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di syarikat lain yang berurusan dengan saya.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya telah menyediakan sistem pengurusan KKP untuk perusahaan kami dan terbukti berfungsi setelah disemak oleh audit luar. Sijil yang berkaitan adalah boleh diperolehi.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	



## 5 Pastikan keselamatan dan kesihatan – jentera, peralatan dan tempat kerja

**Kemudahan pengeluaran, mesin dan tempat kerja yang selamat adalah mustahak untuk bekerja tanpa kemalangan. Kesan kepada kesihatan juga harus dipertimbangkan.**

Strategi keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang berkesan merangkumi langkah teknikal, organisasi dan langkah-langkah peribadi. Langkah-langkah teknikal perlu diutamakan. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan mesin, fasiliti, peralatan dan juga tempat kerja mematuhi piawaian KKP semasa, dan juga mengelak atau meminimumkan kesan-kesan buruk terhadap kesihatan. Tidak mungkin bagi kita untuk sentiasa menggunakan teknologi terkini.

Di sinilah penyesuaian semula diperlukan. Memaklumkan bahawa keselamatan diutamakan dalam setiap pembelian dan prinsip bahawa peralatan keselamatan mesti menjadi sebahagian daripada apa-apa aktiviti telah terbukti berkesan. Perlu diingatkan bahawa kebanyakan kemalangan berlaku semasa penyelesaian masalah, pembaikan atau penyelenggaraan kerana reka bentuk dan pembinaan sering tidak dapat digunapakai untuk tugas-tugas ini dan juga kerana peranti keselamatan tidak digunakan atau gagal berfungsi. Adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan untuk mencegah kejadian sebegini.

## Bagaimanakah keadaan didalam perusahaan anda?

1 Kami memastikan piawaian keselamatan semasa dipenuhi dalam pembinaan dan / atau perolehan kemudahan pengeluaran baru, mesin dan peralatan, dan juga reka bentuk tempat kerja.	Markah Individu	Markah Keseluruhan
Dengan kerjasama bahagian perolehan, kami menyediakan spesifikasi pencapaian untuk semua proses perolehan, seterusnya mewujudkan syarat-syarat keselamatan yang perlu dipatuhi.	○ ○ ○	○ ○ ○
Saya mengambil kira penilaian risiko saya didalam pembelian dan perolehan	○ ○ ○	
Saya hanya membeli mesin dan peralatan jika pengeluar atau pembekal dapat menyediakan manual operasi dan analisis risiko untuk pakej yang dihantar.	○ ○ ○	
Saya melibatkan pekerja yang berpengalaman, Lembaga Pengarah dan pakar-pakar keselamatan dan kesihatan saya seperti jurutera keselamatan dan doktor syarikat.	○ ○ ○	
Didalam proses pembelian mesin dan peralatan, saya memastikan mereka mematuhi peraturan dan piawaian yang ditetapkan, dan jika boleh mempunyai tanda pensijilan keselamatan yang dikeluarkan oleh badan pensijilan bebas	○ ○ ○	

2 Dalam operasi harian kemudahan pengeluaran, mesin dan peralatan, saya memastikan bahawa peranti keselamatan boleh digunakan dan berfungsi dengan baik.	Markah Individu	Markah Keseluruhan
Saya memastikan bahawa penggunaan teknologi yang selamat dikaji semula secara berkala.	○ ○ ○	○ ○ ○
Saya memastikan bahawa maklumat yang terkandung dalam manual operasi yang disediakan oleh pengilang dimasukkan dalam arahan kerja yang mudah difahami, dan digunakan untuk latihan dan arahan tetap pekerja.	○ ○ ○	
Saya menetapkan pemeriksaan secara berkala dan melantik orang yang bertanggungjawab.	○ ○ ○	
Saya menetapkan cara untuk menjalankan penyelenggaraan, pembaikan dan penyelesaian masalah kerana kemalangan mudah berlaku sewaktu situasi begini.	○ ○ ○	
Saya menetapkan laluan trafik dalam perusahaan dipastikan dalam keadaan selamat sepanjang masa.	○ ○ ○	
Saya memastikan laluan kecemasan serta kemudahan perlindungan kebakaran dan letupan didalam keadaan selamat sepanjang masa.	○ ○ ○	

3 Kami memastikan kemudahan pengeluaran, mesin dan peralatan kami tidak menimbulkan bahaya kepada kesihatan, dan jika ada risiko hazard dikurangkan.	Markah Individu	Markah Keseluruhan
Saya memastikan bahawa pelepasan seperti habuk, bahan berbahaya, bunyi bising dan getaran ditentukan dan / atau diukur, diminimumkan sebaik yang mungkin dan keberkesanan langkah-langkah perlindungan dikaji secara berkala.	○ ○ ○	○ ○ ○
Kemudahan untuk pengurangan pelepasan, seperti sistem "dedusting", diselenggarakan secara berkala dan keberkesanannya disahkan.	○ ○ ○	
Kami memberi perhatian kepada reka bentuk ergonomik tempat kerja dan peralatan kerja, cth: pencahayaan yang mencukupi, pengendalian ergonomik, posisi duduk yang baik dan mengelakkan postur yang janggal.	○ ○ ○	



## 6 Tingkatkan kemahiran – bangunkan kompetensi

**Laburlah dalam latihan dan kemahiran untuk pekerja anda, dan pastikan pengetahuan yang diperlukan boleh diperolehi di setiap tempat kerja.**

Soalan yang kerap ditanya setelah berlaku kemalangan: bagaimana ia terjadi? Kemudahan teknikal dan mesin pengeluar semakin pantas dan produktif, tetapi juga lebih kompleks dan cenderung untuk tidak berfungsi. Ini menekankan betapa pentingnya untuk menugaskan mereka yang berkelayakan dan terlatih di tempat kerja. Adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan atasan untuk memastikan penerangan yang terperinci mengenai kelayakan yang diperlukan didalam setiap posisi di perusahaan anda, dan setiap pekerja mampu melaksanakan tugas dalam posisi masing-masing.

Tempat kerja sentiasa berubah. Separuh-hayat pengetahuan menjadi semakin singkat, dan kemahiran pekerja perlu sentiasa diperbaharui dari semasa ke semasa. Latihan dan pendidikan berterusan adalah suatu keperluan disamping meningkatkan kemahiran dalam kepimpinan dan pengurusan

## Bagaimanakah keadaan didalam perusahaan anda?

1 Kami tahu jenis kelayakan dan kompetensi yang diperlukan untuk operasi selamat teknologi pengeluaran kami dan cara untuk mengelak gangguan pengeluaran.	Markah Individu	Markah Keseluruhan
Saya sentiasa mengenalpasti keperluan kelayakan yang sedia ada di tempat kerja di dalam perusahaan saya.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>
Apabila pekerja baru diambil, keperluan ini akan dinilai secara sistematik. Saya menyediakan rancangan latihan kepada pekerja baru.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya akan pastikan pekerja yang akan berhenti kerja, mendokumentasikan pengetahuan mereka dan menyerahkannya kepada pekerja yang akan menggantikan mereka, sebagai contoh melalui latihan bertindih.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya menganalisis peluang pendidikan berterusan dan penambahan kelayakan serta dan menawarkannya kepada para pekerja saya	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	

2 Saya melabur dalam latihan dan pendidikan berterusan secara bersistematik serta menyokong pembangunan kerjaya mereka.	Markah Individu	Markah Keseluruhan
Kami sering mengenalpasti keperluan untuk latihan dan pendidikan berterusan, sebagai contoh semasa mesyuarat penilaian pekerja dan penyediaan pelan untuk jangka masa sederhana.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>
Saya menggunakan sepenuhnya latihan dan pendidikan berterusan yang ditawarkan di universiti-universiti, sekolah-sekolah teknikal, organisasi kerjaan penyedia insurans kemalangan, dan menghantar pekerja ke kursus latihan secara berkala.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya juga menggunakan pendidikan berterusan dari pengilang, pembekal dan persatuan. Saya juga menggunakan media baru internet seperti e-learning untuk mengemaskini pengetahuan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya memberi perhatian kepada kualiti pendidikan berterusan dan memastikan ianya mengandungi elemen praktikal	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	

3 Saya memastikan kompetensi tambahan atau baru yang dimiliki pekerja saya digunakan dan menugaskan mereka dengan tanggungjawab baru.	Markah Individu	Markah Keseluruhan
Saya meluang masa untuk berbincang dengan pekerja tentang pandangan baru dan idea mereka selepas seminar pendidikan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>
Saya akan memberi peluang kepada pekerja yang telah menjalani pembelajaran berterusan untuk berkongsi pandangan mereka dengan rakan sekerja.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya yakin bahawa pembelajaran berterusan adalah penting untuk mengekalkan tahap keselamatan dan kesihatan yang tinggi didalam syarikat.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	

4 Pengetahuan menyumbang kepada keselamatan- oleh itu, saya memberi penekanan tinggi kepada arahan praktikal dan mudah difahami oleh pekerja	Markah Individu	Markah Keseluruhan
Arahan disediakan spesifik kepada peserta dan didalam bentuk perbincangan berbanding dengan pengajaran secara berhadapan. Latihan bersesuaian juga disediakan untuk pengurus.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>
Kami mengambil kira perbezaan pengetahuan dan kemahiran penguasaan bahasa kakitangan untuk arahan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
Saya mengesahkan bahawa pekerja memahami isi kandungan arahan. Arahan dan langkah-langkah pembelajaran berterusan didokumentasikan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	



## 7 Pelaburan sumber manusia – motivasi melalui penglibatan

**Tingkatkan motivasi kakitangan anda dengan melibatkan mereka didalam semua isu keselamatan dan kesihatan. Pelaburan ini menguntungkan anda.**

Memotivasikan kakitangan anda untuk bertindak secara selamat dan sihat adalah salah satu tanggungjawab kepimpinan yang utama. Perusahaan yang menghargai pekerja mereka dan aktif melibatkan mereka didalam keselamatan dan kesihatan perusahaan boleh memanfaatkan potensi penting: pengetahuan, kebolehan dan idea pekerja.

Apabila pekerja diajak berbincang, sebagai contoh semasa menjalankan penilaian risiko atau membangunkan arahan operasi, kerelaan untuk mengikut peraturan dapat ditingkatkan. Motivasi dipromosi melalui program interaktif yang biasa diadakan ataupun hari kesedaran di mana keselamatan dan kesihatan dapat di “langsungkan” atau dirasai secara langsung atau melalui pengalaman. Tindakan seperti memuji pekerja untuk tingkah laku selamat, bertanyakan idea pekerja, dan menunjukkan minat dalam kerja rumit serta untuk mengenalpasti tindakan tidak selamat atau kemalangan nyaris dengan segera tidak melibatkan kos. Ini boleh membentuk sikap peribadi dan motivasi pekerja untuk bekerja secara selamat dengan kesedaran serta keyakinan.

Matlamat untuk semua orang ialah menjaga rakan termasuk juga diri mereka sendiri-“satu untuk semua dan semua untuk satu!”

## Bagaimanakah keadaan didalam perusahaan anda?


1	Saya menunjukkan penghargaan peribadi kepada pekerja. Saya juga menjangkakan perkara yang sama daripada semua pengurus dan kakitangan kanan.	Markah Individu	Markah Keseluruhan
	Saya melibatkan pekerja didalam keputusan berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan perusahaan. Saya memuji pekerja untuk tingkahlaku selamat dan melaporkan tingkahlaku tidak selamat segera.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>
	Saya mudah didekati oleh pekerja dan menunjukkan kehadiran saya didalam perusahaan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
	Saya mengambil maklumat, membuat laporan tentang gangguan pengeluaran dan idea daripada pekerja dengan serius, memastikan penyelesaian diperolehi dan memberi maklum balas mengikut masa yang munasabah.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	

2	Saya menggunakan topik keselamatan dan kesihatan ditempat kerja untuk menubuhkan dan membangunkan budaya positif syarikat yang lebih jauh.	Markah Individu	Markah Keseluruhan
	Kami mengekalkan budaya syarikat yang bersandarkan amanah, hormat dan kerjasama.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>
	Masalah dibincangkan secara terbuka didalam perusahaan. Setiap orang berhak dan mempunyai tanggungjawab untuk mengatakan "berhenti" sekiranya berhadapan dengan keadaan berbahaya dan tidak selamat	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
	Saya berusaha memastikan pekerja dan keluarga mereka mengetahui yang mereka bekerja dengan perusahaan yang selamat.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
	Pekerja didalam perusahaan saya menjaga keselamatan secara bersama.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
	Saya menjemput pekerja dan juga keluarga mereka, pelanggan serta rakan kongsi ke Hari Kesihatan, majlis penglibatan KKP dan Hari Kesedaran KKP.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	

3	Dalam perusahaan kami, kami telah menubuhkan struktur yang dapat membantu untuk penyertaan dan motivasi.	Markah Individu	Markah Keseluruhan
	Saya memberi ganjaran kepada prestasi yang baik dan amalan kerja selamat oleh pekerja dan pengurus dengan insentif kewangan atau bukan kewangan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>
	Saya memotivasikan pekerja saya untuk memberi idea mengenai keselamatan dan kesihatan, sebagai contoh melalui kotak cadangan, papan buletin atau melalui intranet.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
	Dengan demikian, saya juga menggunakan platform kebangsaan dan antarabangsa untuk inisiatif KKP, kempen, hadiah dan penganugerahan, di mana saya mengemukakan idea terbaik daripada pekerja saya	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
	Saya memotivasi pekerja saya untuk melaporkan kemalangan nyaris secara terbuka dan memberi ganjaran untuk laporan yang diberikan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
	Saya menghendaki tingkah laku keselamatan sebagai asas keperluan untuk memacu perusahaan saya	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	
	Pekerja dimaklumkan tentang risiko kesihatan yang tidak dapat dielakkan dan mereka perlu mengamalkan langkah-langkah pencegahan yang telah disyorkan.	<input type="radio"/> <input type="radio"/> <input type="radio"/>	

Sertai kempen Vision Zero hari ini!

[www.visionzero.global](http://www.visionzero.global)  
[#visionzeroglobal](https://twitter.com/visionzeroglobal)



Panduan Vision Zero disediakan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial Antrabangsa (ISSA) dan Suruhanjaya Pencegahan yang ditubuhkan oleh ISSA dengan khidmat rundingan syarikat dan pakar seluruh dunia.

Walaupun penyediaan dan pengeluaran data yang diterbitkan telah dijalankan dengan teliti, ISSA dan PERKESO tidak bertanggungjawab kepada sebarang ketidaktepatan atau ralat didalam data dan secara amnya kepada sebarang kerugian kewangan atau kehilangan/kerosakan disebabkan oleh penggunaan penerbitan ini

Penerbitan diterbitkan pada 2019